


# Warga UMP sumbang 12 ribu bantu dana Tabung Palestin-Gaza

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menyerahkan replika cek bernilai 12 ribu ringgit sempena Majlis Pelancaran dan Penyerahan Dana Tabung Palestin-Gaza.

Program yang disempurnakan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia (KDYTM) Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah itu diadakan di Hotel MS Garden Kuantan pada 29 Januari 2013 yang lalu.

Menurut Dato' Dr. Daing, UMP menyumbang sebanyak 10 ribu ringgit, dua ribu lagi adalah hasil sumbangan Badan Kebajikan dan Sukan Staf (BKSS) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) yang turut menyumbang sebanyak seribu ringgit bagi setiap persatuan.

"Sumbangan ini adalah ketulusan warga UMP dalam usaha membantu rakyat Palestin di Gaza," katanya yang hadir bersama-sama lebih 70 penyumbang lain bagi menyerahkan sumbangan kepada pihak Pertubuhan Himpunan Lepasan Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN) dan Perdana Global Peace Foundation (PGPF).

Dalam majlis itu turut menyaksikan kutipan daripada pihak agensi kerajaan, pihak swasta, individu serta pihak badan bukan kerajaan (NGO) dari seluruh negeri Pahang yang berjaya dikumpul mencecah 1 juta ringgit manakala sumbangan orang ramai melalui tabung-tabung masjid berjaya dikutip sebanyak RM117,118.

KDYTM Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah, dalam titah ucapan merakamkan penghargaan dan bangganya atas usaha murni semua pihak termasuk NGO yang terlibat membantu Palestin khususnya pihak HALUAN Malaysia, PGPF dan Aman Palestin.

Baginda berharap usaha mengutip sumbangan untuk mengisi Tabung Palestin-Gaza dapat digerakkan juga pada peringkat daerah-daerah di negeri Pahang agar keprihatinan masyarakat kepada Gaza Palestin sentiasa berterusan.

Sumbangan dijangka akan disalurkan kepada rakyat Palestin melalui kerjasama dengan al-Sarraa Foundation, sebuah NGO di Gaza bagi membiayai beberapa projek jangka pendek dan jangka panjang termasuklah Pusat Rawatan Kanser al-Huda, Hospital Besar Malaysia-Indonesia di Bandar Gaza, Pusat Tahfiz al-Quran di kem pelarian dan pembinaan sebuah sekolah rendah syariah di Deir Al Balah.

Majlis turut dipertontonkan tayangan klip video oleh PGPF serta persembahan flash mob, pentomen dan dendangan nasyid Palestina Tercinta oleh ahli-ahli Kelab Siswa HALUAN serta pameran Palestin yang memaparkan penderitaan rakyat Palestin serta projek-projek bantuan untuk rakyat Palestin.

Hadir dalam majlis, Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Diraja Adnan Yaakob, Penasihat PGPF, Dato' Mukhriz Tun Mahathir, Presiden HALUAN, Dr Abdullah Sudin Ab. Rahman, Timbalan Presiden HALUAN, Profesor Emiritus Dato' Dr. Abu Azam Md. Yassin dan Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Muhammad Safian Ismail.